

Kembar antara penerima ijazah

► Lengkap berpakaian tradisi sempena Istiadat Konvokesyen ke-16 UMS

Oleh S. CONNIE PEARL
SUIL

KOTA KINABALU: Pasangan kembar adalah antara penerima Ijazah Sarjana Muda dalam sesi ketiga Istiadat Konvokesyen ke-16 Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin.

Penerima Ijazah dalam Kejuruteraan Awam, Joanne Josph Madis, 23 dan Jolene Joseph Madis adalah pasangan kembar seiras yang tidak pernah berpisah sejak dilahirkan.

Kedua-dua mereka yang berasa dari Tambunan turut dilihat berpakaian lengkap pakaian tradisi suku kaum Kadazan Dusun ketika menerima segulung ijazah.

"Kami memakai pakaian tradisi ini sebagai lambang kebanggaan anak Dusun yang sejati," kata Jolene sambil tersenyum.

Joanne dan Jolene yang bercita-cita untuk menjadi jurutera itu turut bersyukur kerana berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan.

"Akhirnya pengorbanan ibu kami yang bersusah payah untuk memberikan kami pendidikan terbalas juga akhirnya," kata Joanne dan Jolene sambil menambah ayah mereka sudah lama meninggal pada tahun 2009 ketika kedua-dua mereka berada di Martikulasi Labuan.

Manakala ibu mereka, Martha Taliban, 64, tidak dapat tergambar perasaan gembiranya apabila kedua anak kembarnya yang bongsu itu akhirnya berjaya mencipta

kejayaan.

Katanya, akhirnya dia dapat menarik lepas lega memandangkan keenam-enam anaknya termasuk pasangan kembar itu telah berjaya menamatkan pelajaran masing-masing di pengajian tinggi.

"Saya berasa amat senang hati kerana kejayaan mereka, harapan saya kedua-duanya selepas ini akan mendapat pekerjaan yang baik," katanya.

Sementara itu, Mohd Basran Indar, 52 turut dilihat begitu sebak ketika menerima ijazah bagi mewakili anaknya yang telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya.

Mohd Basran yang berasal dari Batu Pahat Johor tidak dapat menahan perasaan apabila menerima ijazah anaknya, Mohd Kamal yang meninggal dunia pada 13 September lepas akibat motosikal yang dinaikinya terbabas ketika perjalanan pulang ke rumah selepas latihan praktikal.

Anaknya, Mohd Kamal yang juga anak bongsu dari dua beradik itu sepatutnya menerima ijazah dalam bidang Psikologi dan Pendidikan di UMS kelmarin.

"Saya amat sedih bersama anak tidak dapat bersama-sama pada hari ini, hasrat beliau untuk tamat dalam pengajian berjaya tapi harapan untuk membantu keluarga tidak kesampaian.

"Dia adalah satu-satunya harapan kami sekeluarga memandangkan kami bukan keluarga yang senang... namun kami reda dengan apa yang berlaku," katanya dengan sayu.



Basran, bagaimanapun melahirkan rasa bangga dengan kejayaan yang dikecapi anaknya walaupun anaknya tidak sempat bersama-sama menghadirkan diri di hari yang penuh bermakna itu.

"Kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UMS kerana begitu bermurah hati menanggung perbelanjaan kami sekeluarga untuk datang ke UMS.

"Saya juga amat terharu pihak UMS sudi datang menziarahi kami sekeluarga di Johor dan juga kubur arwah, sememangnya apa yang dilakukan UMS tidak dapat terbalas budi mereka," katanya.

Beliau turut ditemani oleh isterinya, Fatimah Ahmad, 54 dan juga teman rapat anaknya, Hatinalina Mastuki, 24.

Fatimah turut menyifatkan anak lakikinya itu seorang anak yang baik, taat kepada ibu bapa dan bercita-cita tinggi.

"Arwah juga mempunyai harapan untuk membawa kedua-dua kami untuk pergi Haji, membuka bisnes di kampung supaya dekat dengan keluarga, tapi apakah daya ini semua takdir yang terpaksa diterima," katanya dengan sebak.

Dalam pada itu, dua pelajar, Mohd Zain Abu Bakar, 27 dan Christopher Pok turut berjaya mencipta sejarah di UMS buat pertama kalinya kerana berjaya mendapat anugerah kelas pertama dalam bidang Sains Sukan.

Mohd Zain yang berasal dari Brunei berkata, dengan kejayaannya itu, dia berharap dapat berkhidmat dinegaranya dalam menyumbangkan pembangunan dalam bidang sukan.

"Dengan ilmu yang dipelajari di UMS, saya berharap suatu hari nanti dapat membuat pembaharuan dalam bidang sukan di Brunei.

"Ini kerana, saya lihat



(gambar atas) MOHD Zain menerima segulung ijazah.

(gambar kiri) PASANGAN kembar Joanne dan Jolene mencium ibu mereka sebak menerima segulung ijazah.

(gambar bawah) FATIMAH (kiri) Hatinalina (tengah) dan Basran melihat ijazah yang diterima.



pembangunan bidang sukan di Brunei masih agak kurang berbanding di negara ini yang begitu menggalakan pelajarannya menceburi dalam bidang sukan," katanya yang mendapat pointer 3.79.

Ditanya mengenai perancangannya selepas ini, Zain bercita-cita melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana (Master) dalam bidang itu di United Kingdom.

Pada konvokesyen itu,

penganugerahan ijazah telah disempurnakan oleh Pro Canselor UMS, Tan Sri Datuk Seri Dr. Yeoh Tiong Lay. Hadir sama ialah Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah.